

# Kewangan Negara Kukuh walau dunia meleset

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

DUNIA heboh dengan kemelesetan ekonominya. Keadaan kewangan di kebanyakan negara 'terumbang ambing' dan terpaksa mengambil langkah membetulkan keadaan ekonomi masing-masing.

Malaysia sebagai sebuah negara membangun tidak terlepas dari kesan kemelesetan itu. Tetapi, satu 'keunikan' yang keajaib ialah negara ini tetap teguh dan terus mampu memberi segala bantuan untuk kesejahteraan rakyatnya.

Inilah perkara yang unik di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Punca yang menyebabkan Malaysia tergolong sebagai sebuah negara yang tetap kukuh adalah terlewat diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sementara rata-rata negara mengalami kesannya, Malaysia masih mampu membangunkan negara dan rakyatnya dengan berbagai-bagai kemajuan.

Seri Paduka Baginda sentiasa mengambil berat tentang masalah rakyat dan memberikan pandangan Baginda mengenai pentadbiran kerajaan. Penglibatan Seri Paduka bukanlah sekadar memberi tunjuk-ajar, malah Baginda sendiri melibatkan diri secara dekat terhadap masalah rakyat. Baginda sentiasa memberikan nasihat kepada rakyat tentang apa yang harus mereka lakukan untuk memajukan negara menghadapi saat genting kesan kemelesetan ekonomi sekarang.

Satu aspek penting kemajuan di zaman pemerintahan Seri Paduka Baginda ialah perkembangan rohaniyah dan jasmaniyah yang dinikmati oleh rakyat sekarang.

Rakyat bukan sahaja sadar tentang perlunya mereka maju dengan mementingkan kebendaan, tetapi juga melengkapkan mereka tentang pelajaran agama.

## Penekanan

Karena pentingnya pelajaran itu, kerajaan di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda memberi penekanan yang khusus terhadapnya.

Menyadari hakikat bahawa anak-anak yang dididik pada masa ini akan menjadi generasi akan datang, kerajaan berusaha menyediakan tempat belajar secukupnya dengan membina sekolah-sekolah rendah dan menengah di bandar dan di luar bandar.

Bagi anak-anak yang tidak berada, kerajaan memberikan bantuan pinjaman buku di samping memberikan berbagai-bagai kemudahan perpustakaan dan lain-lain.

Guru-guru dibekalkan pengetahuan dengan kecukupannya di maktab-maktab perguruan atau di institusi pengajian tinggi untuk mendidik masyarakat Malaysia akan datang.

Kerajaan di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda juga menghantar anak-anak negara ini melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri bagi membekalkan negara ini dengan kemajuan yang akan datang, termasuk di bidang sains dan teknologi.

Tambahan pula, di bawah pemerintahan Baginda beberapa dasar baru telah dirumuskan oleh pentadbiran kerajaan, terutama dalam memberikan semangat untuk rakyat bekerja kuat dan mengekalkan maruah negara di mata dunia.

Dasar Pandang ke Timur yang dilaksanakan sekarang telah mula menyeras di hati rakyat dan hasilnya mula dilihat sedikit demi sedikit.

Sekarang, Malaysia mula melangkah ke satu era pembangunan yang pesat dengan menerima ciri-ciri mula dari negara lain untuk diserapkan ke sanubari rakyat di samping mengukuhkan sikap



SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam selepas memunahkan Sembahyang Raya di Masjid Negara.

Ulangtahun Ke-53  
Keputeraan  
Seri Paduka  
Baginda Yang  
di-Pertuan Agong



sikap negatif yang wujud di kalangan rakyat.

Bertolak dari situ, kita mula mengenali Konsep Peryayntikan Malaysia yang menggabungkan penyertaan kerajaan dan swasta, ditiru dari kemajuan Jepun yang wujud dari strategi yang sukar ditandingi oleh kebanyakan negara di dunia.

## Melangkah

Kita juga mengenali apa yang dipanggil Sogohosha — untuk mengianikan usaha pemasaran barangan negara ini.

Rakyat Malaysia hari ini dan akan datang adalah mereka yang sedang mengalami satu proses perubahan — perubahan dari segi mental dan fizikal.

Di bidang perdagangan, pertanian, perubahaan, perumahan, peternakan, kewangan dan lain-lain akan dapat membina satu matlamat yang kita idam-idamkan.

Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara pengeluar kereta sendiri menjelang 1986 dan begitu juga dengan menajanya perusahaan berat melalui Perbadanan Berat Malaysia (Floem).

Di bidang perdagangan, Malaysia sudah terkenal di seluruh dunia dan banyak negara-negara di dunia berhasrat menjalankan projek usaha-hasama dengan negara ini dan pengusaha-pengusaha tempatan.

Di bidang pertanian, Malaysia tetap kekal sebagai salah satu negara yang berjaya mengekalkan pertumbuhan penda-

patannya melalui hasil pertanian dengan pembukaan berbagai-bagai kawasan tanah seperti Felda, Risda, Felera, Madu dan lain-lain.

Penoreka menikmati pendapatan yang lumayan dan petani pula terus menikmati hasil yang tinggi dengan bantuan dari kerajaan seperti subsidi dan lain-lain bantuan baja dan tunjuk-ajar.

Di bidang kewangan, pertumbuhan sejak tahun-tahun sebelumnya menunjukkan satu kepercayaan yang tinggi dan tidak diragukan bingkangan Bank Dunia mengakui bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara yang kukuh.

## Bersaing

Dengan hasil Petroleum dan gas yang melimpah, Malaysia mampu bersaing dengan mana-mana negara di dunia sekalipun.

Di bidang perniagaan, dapatalah kita simpulkan bahawa setiap rakyat di negara ini telah menyedari dan bersedia menghadapi setiap cabaran dan mampu melengkapkan diri untuk mencubakan diri dalam bidang itu.

Kita dapat lihat, kaum Bumiputera yang selama ini ketinggalan di bidang ini kini berlumba-lumba menjadi usahawan yang berjaya dan mampu menjalankan projek yang berjuta-juta ringgit.

Begitu juga di bidang bank di mana Malaysia melangkah setapak lagi dengan penubuhan Bank Islam yang akan memu-

lakan operasinya Julai ini.

Ini menunjukkan kemampuan kerajaan menewas setiap perubahan mengikut perkembangan semasa. Meskipun bank-bank lain bergerak bebas, Bank Islam yang ditubuhkan di tengah-tengah pemerintahan Seri Paduka Baginda akan menjadi lambir selepas itu ke arah ekonomi Islam di negara ini.

Di bidang perumahan pula dapat kita saksikan sendiri bahawa bertambah banyak rakyat memiliki rumah sendiri dengan berbagai-bagai projek yang disediakan oleh kerajaan dan swasta sama ada ia rumah kos rendah atau sebaliknya.

Jika ditinjau dari setiap ucapan Seri Paduka Baginda, rakyat selalu diingatkan supaya sanggup meneroka dan sedia menghadapi cabaran untuk mencapai kejayaan dalam berbagai-bagai bidang.

Mereka haruslah sama-sama berkorban supaya hasilnya dapat dinikmati bersama oleh generasi akan datang.

Satu perkara yang menarik dalam pemerintahan Seri Paduka Baginda ialah peralihan sistem demokrasi yang berjalan lancar setelah terbukti dalam pilihanraya tahun lalu. Pilihanraya mempunyai erti yang tersendiri kerana inilah kali pertama generasi yang lahir selepas kemerdekaan berpeluang menggunakan hak mengundi mereka.

## Dibanggakan

Satu kesan besar dari pilihanraya lalu ialah rakyat Malaysia baik dari generasi tua maupun muda telah sama-sama meningkatkan perasaan perkauman. Rakyat di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda sekarang telah lebih matang dan mereka tahu memilih wakil yang benar-benar dapat mewakili mereka dalam proses pembangunan negara tidak kira sama ada wakil itu sebangsanya dengan mereka atau sebaliknya. Ini menunjukkan rakyat Malaysia bertambah matang dan rasional.

Di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda, Malaysia telah merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke-25 tahun lalu.

Dalam tempoh itu rakyat telah sampai kepada satu tahap pencapaian yang telah dibanggakan.

Kita telah berjaya melakkan asas kukuh ke arah melahirkan satu warganegara, satu bahasa dan satu budaya. Atas asas inilah kita membina satu negara Malaysia yang lebih gemilang.

Tapak dan landasan yang kukuh itu wujud telah kita berjaya, berkorban, berusaha dan mengasah berbagai-bagai dugaan. Kita perlu

insaf bahwa kekuatan kita semua ini adalah berdasarkan sikap kesusederhanaan.

Amal toleransi dan bekerjasama adalah tunjang keteguhan dan ketahanan negara.

Di pemgkat awal kemerdekaan, kita terpaksa menumpukan asas tadat tajat sekarang akan menekankan dengan lebih hoba lagi usaha untuk membinahi pembangunan jasmaniyah dengan rhaniah.

Adalah menjadi harapan Seri Paduka Baginda agar Malaysia menjadi sebuah negara yang berdirian tinggi dan duduk sam rendah dengan negara-negara lain di dunia.

Seri Paduka Baginda yang mempunyai pandangan luas pernah mengingatkan bahawa ada pihak-pihak tertentu baik di dalam mahupun di luar akan cuba mengeksploitasi keadaan kemelesetan ini untuk menapai hasrat dan kepentinan mereka.

## Keptingan

Tetapi, Seri Paduka Baginda yakin bahawa rakyat ini telah mahir mengantik mereka dan tidak membenarkan mereka menanggung di air keru.

Dalaj keadaan mencabar ini pertahanan tidak boleh diabaikan. Usaha untuk mempermoden dan mperlengkapkan seluruh istem perantaraan ngrarditeruskan.

Dengin semangat wira yang ditunjukkan oleh pasukan keselamatan mempertahankan kedaulatan tanah air, Malaysia akan terus makmur dan tentera.

Tetapi meskipun dalam pertintahan di negara ini akan makmur, namun di kerisauan yang wud akibat pengidangan berliaku di rantau i.

Masah di Kam-puchea mndai isu yang hebat diertakatakan di mana Malaysia dengan kepereyntikan dalam Asean telah berjaya membaw perkara itu kepada phatian dunia melalui pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Baru-baz ini pula, Malaysia meladi tunan rumah Persilangan Antarabangsa mengenai soal Palestin dan berjaya merumuskan satu rancangan bebanduk untuk menyelesaikan masalah kepereyntikan Majelis Keselamatan PBB.

Oleh itu, sntasa pemerintahan Seri Paduka Baginda penubuhan berbagai cabaridalam dan luar negeri tepi dengan kepereyntikan, segala-galanya dapat diatasi dan akan terus menjadikan rntau ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Malaysia pla akan menjadi sebuah negara yang dihormati dan bermaruah di mal dunia.



BAGINDA sangat menitik-beratkan tentera dan keselamatan negara. Gambar di atas menunjukkan Seri Paduka Baginda melawat Bukit Berapi bersama Pemerintah dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam dan Zainal bin Haji Jawati.